

**MUKHANNATH FROM THE PERSPECTIVE OF FIQH AND MEDICAL: A LITERATURE STUDY**

**MUKHANNATH MENURUT FIQH DAN PERUBATAN: SATU KAJIAN LITERATUR**

Mohd Nasir Abdul Majid<sup>1</sup>, Irwan Mohd Subri<sup>2</sup>, Rafidah Hanim Mokhtar<sup>3</sup>, Mohd Izwan Md Yusof<sup>4</sup>, Umi Adzlin Silim<sup>5</sup> & Nur Fatin Halil<sup>6</sup>

- <sup>1</sup> (*Corresponding author*). Penyelidik, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) & Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. nasirmajid08@usim.edu.my
- <sup>2</sup> Pengarah Besar, International Fatwa and Halal Centre (iFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia. irwan@usim.edu.my
- <sup>3</sup> Pengarah, Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJI) Universiti Sains Islam Malaysia. rafidahhanim@usim.edu.my
- <sup>4</sup> Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). izwanyusof@islam.gov.my
- <sup>5</sup> Pakar Psikiatri, Hospital Kuala Lumpur. umiadzlin@gmail.com
- <sup>6</sup> Pembantu Perunding, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia. fatinurhalil@gmail.com

<p><b>Vol. 8. No. 1</b>  <b>August Issue</b>  <b>2020</b></p>	<p><b>Abstract</b>  <i>Mukhannath is not a new group of people which exists in our society. Discussions and debates about mukhannath have already been going on by former Islamic scholars and medical practitioners. This study aims to clarify the meaning and definition of mukhannath from the perspective of fiqh and medical, based on the literature review or previous research. This qualitative study applied document analysis methodology. Classical and modern fiqh books are the main source of reference, alongside books, journals and medical studies that address on the issue of mukhannath. The finding shows that mukhannath was addressed on Al-Quran and Al-Sunnah. Mukhannath was also defined as a male resembling a woman and was divided into two groups namely mukhannath khalqiyy and mukhannath ghayr khalqiyy. The clear meaning and definition of mukhannath can avoid misunderstandings and confusions especially with the other group which is khunsa. In addition, the understanding of the term mukhannath from Islamic and medical perspective can explain the hukm (Islamic law) related to this group and resolve their issues in the future.</i></p> <p>Keywords: <i>Mukhannath, Fiqh, Medical, Definition, Literature.</i></p>
	<p><b>Abstrak</b>  <i>Golongan mukhannath bukanlah sesuatu kelompok masyarakat yang baru wujud. Perbincangan dan perbahasan mengenainya telah pun disentuh oleh para ulama silam dan pengamal perubatan. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan pengertian atau definisi mukhannath daripada perspektif fiqh dan perubatan berpandukan sorotan literatur atau kajian lepas. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan</i></p>

<p><i>metodologi analisis dokumen. Kitab fiqh terdahulu dan terkini menjadi sumber utama rujukan, di samping buku, jurnal dan kajian perubatan yang membincangkan isu mukhannath. Hasil kajian menunjukkan mukhannath telah disebut dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Mukhannath didefinisikan sebagai lelaki yang menyerupai wanita dan terbahagi kepada dua golongan iaitu mukhannath khalqiyy dan mukhannath ghayr khalqiyy. Pengertian mukhannath yang jelas dapat mengelakkan salah faham dan kekeliruan khususnya dengan golongan khunsa. Selain itu, kefahaman tentang istilah mukhannath dari kaca mata Islam dan perubatan dapat menjelaskan hukum-hakam serta menyelesaikan permasalahan yang berhubungkait dengan golongan ini pada masa hadapan.</i></p> <p>Kata kunci: Mukhannath, Fiqh, Perubatan, Definisi, Literatur.</p>
---

## PENDAHULUAN

Islam merupakan agama rahmat buat seluruh lapisan masyarakat tanpa bersikap prejudis terhadap sesetengah golongan kerana semua manusia diciptakan dengan sebaik-baik penciptaan. Firman Allah SWT:

﴿لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian" (al-Quran. Al-Tin: 4).

Berdasarkan ayat ini, Allah telah menciptakan manusia dengan penciptaan yang terbaik dan sempurna. Walaupun secara asasnya manusia terbahagi kepada dua jantina iaitu lelaki dan wanita, dengan kekuasaan dan kehendak Allah juga, Dia telah menciptakan golongan yang digelar khunsa di mana mereka menghadapi keadaan yang tidak jelas dalam menentukan jantina.

Terdapat juga golongan yang dilahirkan pada asalnya sebagai seorang lelaki, namun mempunyai kelembutan seperti wanita dan golongan ini yang disebut sebagai mukhannath.

Khunsa ialah seseorang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan atau orang yang tiada langsung mempunyai kedua-duanya dan hanya mempunyai lubang untuk membuang air kecil (Al-Mawsu'at Al-Fiqhiyyah, 1983). Manakala mukhannath secara umum ditakrifkan sebagai lelaki yang lebih bersifat keperempuanan ataupun pondan (Kamus Istilah Bahasa

Melayu, Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP).

Dalam masyarakat kita, kewujudan lelaki lembut bukanlah sesuatu yang asing. Istilah pondan juga bukan suatu istilah yang asing dalam masyarakat, begitu juga istilah mak nyah. Namun status lelaki lembut, pondan dan mak nyah seringkali menjadi tanda tanya kerana adakah golongan ini dikategorikan sebagai mukhannath? Atau adakah golongan ini sama kedudukannya dengan khunsa dan diiktiraf dalam Islam atau mereka adalah golongan yang dilaknat?

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan pengertian mukhannath daripada kaca mata fiqh dan perubatan, dengan berpandukan sorotan literatur atau kajian lepas.

Penerangan yang jelas terhadap istilah mukhannath dapat mengelakkan salah faham dan kekeliruan serta penyalahgunaan istilah ini, seterusnya dapat merungkaikan persoalan berkenaan hukum-hakam serta permasalahan yang berhubungkait dengan golongan ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam memberi penjelasan terhadap maksud dan definisi mukhannath, penyelidik meneliti kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk ini. Kajian lepas atau *literature review* adalah satu penelusuran dan penelitian kepustakaan dengan membaca pelbagai buku, jurnal, dan terbitan-terbitan lain yang berkaitan dengan topik penelitian, untuk

menghasilkan satu tulisan berkenaan dengan satu topik atau isu tertentu (Amri Marzali, 2016). Kaedah yang digunakan dalam penelitian bagi kajian ini adalah melalui kaedah analisis dokumen.

Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006) mendefinisikan analisis kandungan dokumen sebagai teknik kajian yang diguna bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah daripada teks (atau bahan lain yang bermakna) bagi konteks yang diguna.

Analisis kandungan dokumen adalah alat saintifik yang melibatkan prosedur khusus bertujuan menyedia pandangan baharu, meningkat kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal.

Analisis dokumen bermaksud, penyelidik tidak perlu ke lapangan kerana data telahpun tersedia dan telah direkodkan oleh pihak lain. Bahan yang bersifat dokumentasi ini boleh didapati dalam bentuk cetakan seperti jurnal, laporan tahunan dan buku (Fuad Mohamed Berawi, 2017).

Menurut Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006) lagi, penekanan analisis dokumen adalah untuk menjawab persoalan kajian. Dalam proses analisis dokumen bagi kajian ini, penyelidik membaca dari satu teks ke teks yang lain bagi menjawab persoalan kajian iaitu; "apakah yang dimaksudkan dengan istilah mukhannath menurut fiqh dan perubatan?"

Dalam kajian ini, penyelidik menjadikan kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari yang membahaskan tentang mukhannath, disamping buku, jurnal dan kajian perubatan yang membincangkan isu mukhannath sebagai rujukan.

#### DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas, pengertian mukhannath menurut dapatan penyelidik adalah seperti berikut:

#### Mukhannath Menurut Bahasa

Dari sudut Bahasa Arab, perkataan mukhannath (مخنث) berasal daripada kata

akar "خنث" yang bermaksud pecah dan bengkok (Ibnu Manzur, 1999). Mukhannath juga bererti المثني لمسترخي iaitu mempunyai dua sifat yang lembut, jamaknya (مخانيث) iaitu seseorang yang memiliki banyak sifat kewanitaannya dan lemah lembut. Menurut Mu'jam Lughat al-Fuqaha' (1988), mukhannath bermaksud lelaki yang seperti wanita dalam cara berjalannya, kata-katanya, emosinya dan kelembutannya.

Dalam Bahasa Melayu, mukhannath bermaksud lelaki yang lebih bersifat keperempuanan (Laman Web Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP). Menurut Zaliha Tak (1998), istilah-istilah lain yang turut digunakan untuk menggambarkan mukhannath adalah seperti mak nyah, pondan, bapok, adik-adik, cik mek cik awang, darai, kerdil dan khunsa.

Mukhannath juga disebut sebagai golongan transgender; melakukan perbuatan yang menyerupai lain jenis, baik dalam berbicara, berbusana, mahupun dalam bertingklaku, termasuklah di dalam aktiviti seksual. Golongan inilah yang dijelaskan dalam hadis-hadis Nabi SAW sebagai orang yang dijauhi rahmat Allah SWT (Zaliha Tak, 1998).

#### Mukhannath Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah

Dalam al-Quran, tiada perkataan mukhannath yang disebut secara langsung atau terus. Walaubagaimanapun, terdapat ayat yang merujuk kepada istilah yang berkaitan dengan mukhannath. Allah SWT berfirman:

﴿وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَا يَضْرِبْنَ بِجُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ﴾

Maksudnya: “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang tidak berkeinginan kepada perempuan” (al-Quran. Al-Nur: 31).

Dalam ayat ini, Allah memerintahkan kepada para wanita beriman agar menundukkan pandangan dan memelihara aurat mereka daripada lelaki kecuali dibenarkan untuk membukanya kepada golongan yang dikecualikan. Turut serta dalam golongan yang dikecualikan ini adalah:

﴿التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْتِبَاءِ مِنَ الرِّجَالِ﴾

Maksudnya: “Orang-orang lelaki yang tidak berkeinginan kepada perempuan”.

Ibnu Kathir (1998) menukulkan beberapa pandangan ulama yang berbeza mengenai tafsiran ayat ini. Orang-orang yang tidak berkeinginan terhadap perempuan menurut Ibnu Abbas adalah lelaki dungu yang tidak mempunyai nafsu syahwat. Mujahid mengatakan bahawa yang dimaksudkan adalah lelaki yang tolol, iaitu akalanya lemah.

Manakala menurut Ikrimah dan beberapa ulama salaf, yang dimaksudkan oleh ayat ini adalah mukhannath yang kemaluannya tidak dapat berereksi atau berfungsi. Kesemua perselisihan pandangan ini mengandungi tafsiran yang dekat maksudnya iaitu orang yang tidak berkeinginan terhadap wanita.

Berdasarkan ayat ini juga, Ibnu Kathir (1998) memetik sebuah hadis berkenaan mukhannath yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah RA:

{عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عِنْدَهَا وَفِي الْبَيْتِ مُحْنَثٌ، فَقَالَ الْمُحْنَثُ لِأَخِي أُمِّ سَلَمَةَ عَبْدُ اللَّهِ بْنِ أَبِي أُمَيَّةَ إِنْ فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ الطَّائِفَ غَدًا أَذْكَكَ عَلَى ابْنَةِ غَيْلَانَ، فَإِنَّهَا تُقْبَلُ بِأَرْبَعٍ وَتُدْبِرُ بِثَمَانٍ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَدْخُلَنَّ هَذَا عَلَيْكُمْ }

Maksudnya, “Daripada Ummu Salamah bahawa Nabi SAW ada di sisinya. Sedangkan dalam rumah itu ada mukhannath. Kata mukhannath tadi kepada Abdullah bin Abi Umayyah, saudara Ummu Salamah, “Jika Allah membuka bagi kamu esok bumi Taif, nescaya aku tunjukkan kamu anak perempuan Ghaylan, dia menghadap dengan empat dan membelakangimu dengan lapan (Mukhannath tersebut menggambarkan perihal seorang wanita). Nabi SAW pun bersabda, “Jangan kamu membawa masuk ini ke atas kamu” (Hadis. Al-Bukhariyy. Bab Ma Yunha Min Duhul al-Mutashabbihin bi al-Nisa’ Ala al-Mar’ah. 5235).

Berdasarkan hadis ini, Nabi SAW melarang mukhannath masuk ke rumah bersama wanita kerana dianggap mempunyai syahwat ketika mana ia menceritakan tentang sifat tubuh wanita.

Nabi SAW juga pernah memerintahkan supaya mukhannath dikeluarkan daripada rumah. Ibnu Abbas RA meriwayatkan:

{لعن النبي صلى الله عليه وسلم المختثين من الرجال والمترجلات من النساء، وقال: أخرجوهم من بيوتكم. فأخرج النبي صلى الله عليه وسلم فلاناً وأخرج عمر فلانة }

Maksudnya, “Nabi SAW melaknat al-mukhannathin (lelaki yang menyerupai wanita) dan melaknat al-mutarajilat (wanita yang menyerupai lelaki). Dan Nabi

bersabda, "Keluarkan mereka dari rumah-rumahmu". Kata Ibn Abbas, "Nabi SAW telah mengeluarkan seorang lelaki dan Umar pernah mengeluarkan seorang wanita" (Hadis. Al-Bukhariyy. Bab Ikhrāj al-Mutashabbihin bi al-Nisa' Min al-Buyut. 333).

Dalam hadis lain, Abu Hurairah RA meriwayatkan:

{ أن النبي صلى الله عليه وسلم أتى بمخنت قد خضب يديه ورجليه -أي صبغها بالحناء كالنساء-، فقيل يا رسول الله! هذا يتشبه بالنساء، فنفاه إلى البقيع -عقاباً له في مكان غربة ووحشة، وحماية لغيره- فقيل ألا تقتله، فقال: إني نهيته عن قتل المصلين }

Maksudnya, "Seorang mukhannath telah menginaikan tangan dan kakinya telah dibawa berjumpa Rasulullah SAW. Baginda bertanya, "Apakah yang telah berlaku pada lelaki ini?" Baginda diberitahu, "Wahai Rasulullah! Dia telah menyerupai wanita". Maka dia dibuang ke al-Naqi'. Para sahabat berkata, "Wahai Rasulullah! Mengapa kita tidak membunuhnya sahaja?" Baginda menjawab, "Aku telah diharamkan membunuh orang yang bersolat" (Hadis. Abu Dawud. Kitab al-Adab. 4928; Sahih al-Jami'. 2502).

Selain itu, terdapat riwayat dalam hadis mengenai mukhannath, namun riwayatnya tidak mencapai martabat hadis sahih. Antaranya daripada Mujahid:

{ إنه كره إمامة المخنت }

Maksudnya, "Sesungguhnya telah dibenci imamah mukhannath" (Hadis Maqtu'. Dhamm al-Malahiyy li Ibn Abi al-Dunya. Bab fi al-Mukhannathin. 165).

Dalam riwayat lain, daripada Abu Salamah RA:

{ أنه كره أن يصلي خلف مخنت }

Maksudnya, "Sesungguhnya dibenci sekiranya seseorang bersolat di belakang mukhannath" (Hadis Maqtu'. Dhamm al-Malahiyy li Ibn Abi al-Dunya. Bab fi al-

Mukhannathin. 173).

## Mukhannath Menurut Fiqh

Berikut dijelaskan pandangan mazhab fiqh tentang istilah mukhannath:

### 1. Mazhab Hanafi:

Mukhannath menurut mazhab Hanafi; sekiranya seseorang itu bertingkah-laku lembut dan perbuatan lembut itu merupakan penambahan serta dibuat-buat oleh dirinya, maka ia masih dianggap sebagai lelaki, malah tergolong dalam golongan fasiq (melakukan maksiat) serta perlu dihindarkan daripada wanita.

Adapun seseorang lelaki yang mempunyai anggota badan yang lembut, juga percakapannya yang lembut kerana asal kejadiannya sebegitu serta ia tidak mempunyai nafsu syahwat terhadap wanita; maka ia dianggap mukhannath semulajadi dan bukan dibuat-buat. Sebahagian ulama mazhab Hanafi memberi keringanan bagi golongan mukhannath yang kedua ini untuk berada bersama wanita (Al-Sarakhsiyy, 1993; Ibnu Nujaym & Ibnu 'Abidin, 1997).

### 2. Mazhab Maliki:

Mukhannath itu bukanlah orang yang dikenali melakukan perbuatan keji dan dikaitkan dengan perkara tersebut. Tetapi mukhannath adalah seorang lelaki yang memiliki ciri-ciri keperempuanan yang sangat dominan dalam penciptaannya sehingga menyerupai wanita asli. Mereka memiliki kelembutan dalam segala aspek; dalam percakapan, pandangan, nada suara, cara berfikir dan perbuatan, sama ada mereka terlibat dengan aktiviti maksiat yang keji ataupun tidak.

Sekiranya mereka tidak mempunyai keinginan terhadap wanita dan lemah akalnya serta tidak memiliki kefahaman dalam urusan manusia, maka mereka tergolong dalam golongan yang disebut 'ghayr uli al-irbah' (dalam Surah al-Nur). Oleh itu, mereka diharuskan untuk masuk dan bersama para wanita (Ibnu 'Abd al-Barr, 1967; al-Kandahlawiyy, 2003).

### 3. Mazhab Shafie

Mukhannath adalah golongan yang

berperangai seperti wanita, terutama dalam pergerakan dan tindak tanduk mereka. Sekiranya asal kejadian mereka sebegitu, maka tidaklah berdosa (al-Khatib al-Sharbiniyy, 1994).

#### 4. Mazhab Hanbali

Mukhannath yang tidak memiliki nafsu syahwat, maka hukumnya adalah seperti bersama dengan mahram dalam bab melihat manakala mukhannath yang memiliki nafsu syahwat dan mengetahui perihal wanita maka hukumnya seperti bersama bukan mahram (Ibnu Qudamah, 1997).

Al-Nawawiyy dalam Abdul Rahman al-Mubarakfuriyy (2010) telah berkata, para ulama telah membahagikan mukhannath kepada dua golongan:-

*Pertama:* Mukhannath yang sememangnya diciptakan sebegitu sejak azali dan mereka tidak mengadakan atau berpura-pura berperangai seperti wanita, juga menyerupai wanita dalam berpakaian, percakapan dan pergerakan mereka. Dalam keadaan ini, mereka tidak dipersalahkan, tidak berdosa, tiada aib serta tiada hukuman dikenakan kerana dimaafkan.

*Kedua:* Mukhannath yang berlagak seperti wanita dalam diam dan gerakannya, juga sengaja menyerupai wanita dalam percakapan serta berpakaian, maka golongan ini dicela sepertimana yang disebut dalam hadis bahawa laknat bagi mereka.

#### Mukhannath Menurut Perubatan

Dari konteks psikologi, istilah mukhannath boleh dikaitkan dengan *effeminate* iaitu istilah yang asalnya digunakan untuk lelaki yang menunjukkan tingkahlaku dan gaya yang lemah-lembut iaitu feminin dan bukannya maskulin seperti biasanya seorang lelaki. Lelaki lembut atau *effeminate* ini terdedah kepada risiko dibuli dan mengalami konflik dan tekanan psikologi.

Bernard (1984) dalam satu kajian jangka masa panjang terhadap 55 lelaki *effeminate*, mendapati mereka menunjukkan kecenderungan homoseksual yang tinggi (63.6%)

berbanding heteroseksual (5.5%).

Sedgwick (1991) membincangkan bagaimana tingkahlaku '*effeminate*' yang semulajadi ini menimbulkan perdebatan mengenai etiologi homoseksualiti yang dikatakan mempunyai punca biologi yang kemudiannya berinteraksi dengan faktor persekitaran.

Kekeliruan dunia psikologi dan psikiatri barat mengenai isu gender dan seksualiti dapat dilihat apabila homoseksualiti dikategorikan sebagai normal dan dikeluarkan dari senarai penyakit mental mengikut '*Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*' (DSM) pada awal tahun 1970an. Berikutan dengan itu, kategori baru yang dikenali sebagai '*Gender Identity Disorder*' (GID) pula diperkenalkan pada tahun 1980an melalui DSM-3 di mana lelaki *effeminate* mungkin termasuk dalam kategori ini.

'*Gender Dysphoria*' (GD) pula diperkenalkan dalam DSM-5 bagi menggantikan GID. GD didefinisikan sebagai kecelaruan gender atau ketidakserasian gender (*gender incongruence*) dan bukannya penyakit (*disorder*) seperti dalam GID. GD dicirikan dengan keadaan di mana seseorang dewasa itu mengalami perkara berikut:

- i. Mempunyai keinginan yang kuat untuk menjadi gender yang bertentangan dengan gender asal.
- ii. Mahu dianggap dan dilayan sebagai gender yang bertentangan dengan gender asal.
- iii. Menunjukkan ketidakserasian yang ketara antara bagaimana seseorang mengalami dan mengekspresi diri berbanding ciri-ciri seksual asal.
- iv. Mempunyai keinginan yang kuat untuk mempunyai ciri-ciri seksual yang bertentangan dengan ciri-ciri asal.
- v. Keinginan yang kuat untuk menghapuskan ciri-ciri seksual asal kerana ketidakserasian dengan apa gender yang dialami dan dirasai.
- vi. Kepercayaan yang kuat bahawa seseorang mempunyai reaksi dan perasaan yang biasanya dialami oleh gender yang bertentangan dengan gender asal.

GD kanak-kanak mempunyai kriteria berlainan di mana kanak-kanak didapati mempunyai keinginan yang kuat atau sering menegaskan yang dia adalah gender yang berlainan; mempunyai kecenderungan yang kuat untuk memakai baju gender yang berlainan, bermain seperti gender yang berlainan, menggemari barang permainan dan aktiviti gender berlainan, bermain dengan gender berlainan, enggan kepada barang permainan dan aktiviti gender asalnya, tidak menyukai anatomi seksual asalnya dan keinginan kepada ciri seksual fizikal yang berlainan dengan asalnya.

Menurut DSM-5, seseorang dikatakan mengalami GD jika mengalami dua daripada kriteria tersebut sekurang-kurangnya selama 6 bulan.

Rawatan untuk GD boleh diklasifikasikan kepada rawatan yang menjurus kepada gender yang dipilih atau '*Gender Affirmative Therapy*' dan rawatan yang menjurus kepada gender asal atau '*Biological Sex Affirmative Therapy*'. '*Gender Affirmative Therapy*' menggunakan pelbagai kaedah seperti hormon, pembedahan di samping kauceling dan psikoterapi yang dipelopori oleh professional kesihatan mental sekular.

Sementara '*Biological Sex Affirmative Therapy*' melibatkan '*conversion therapy*' dan '*reparative therapy*' dipelopori oleh golongan agama dan konservatif. Kedua-dua rawatan ini sebenarnya tidak mempunyai bukti saintifik yang kukuh sepertimana standard yang biasanya diperlukan dalam bidang perubatan moden. Kajian ke arah '*biological sex affirmative therapy*' pula akan mendapat tentangan habis-habisan dan dihalang pelaksanaannya.

Terlalu banyak kontroversi dalam bidang psikologi dan psikiatri moden yang masih tidak dapat dirungkai mengenai isu gender dan seksualiti bermula dari isu klasifikasi diagnosis hinggalah kepada isu rawatan.

Apa yang pasti isu berkait kekeliruan gender dan seksualiti ini mempunyai impak yang besar kepada kesihatan mental individu seperti

tingginya kadar kemurungan, keresahan dan bunuh diri; dan kepada masyarakat dalam isu pertentangan sosiobudaya, sistem kekeluargaan dan ketenteraman awam.

### **Perbezaan Khunsa Dan Mukhannath**

Khunsa berasal daripada perkataan Arab yang membawa erti sebagai lembut. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentafsirkannya sebagai orang yang mempunyai dua alat kelamin. Khunsa juga bermaksud seseorang yang tidak jelas kedudukan jantinya sebagai lelaki ataupun wanita ataupun seseorang yang seperti lelaki dan wanita kedua-duanya.

Jika dia bersifat seperti wanita, maka dia adalah seorang wanita dan namanya juga adalah nama seorang wanita. Secara istilah pula, seseorang yang tidak langsung dapat dipastikan jantinya kerana mereka dilahirkan tanpa sebarang alat kelamin secara asal dan hanya mempunyai alat untuk membuang air kecil sahaja (Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah, 1983).

Menurut Mobeen Vaid (2017), mukhannath berbeza dengan khunsa kerana mukhannath tidak mempunyai kelainan dari segi anatomi atau keabnormalan dalam perkembangan. Mukhannath adalah lelaki yang jelas dan dikenali namun menampakkan kebiasaan dan kecenderungan wanita yang tidak dapat dielakkan. Ciri-ciri ini mungkin termasuk nada suara, gaya hidup, ketiadaan tanpa sengaja rambut muka, dan sifat berkaitan yang mungkin dianggap feminin.

Khunsa dari sudut perubatan dikategorikan dalam *Disorder of Sex Development* (DSD). Terdahulu istilah DSD dikenali sebagai "*intersex disorder*" atau "*hermaphrodite*". Seseorang yang mengalami DSD boleh dikatakan mempunyai kelainan jantina semasa dilahirkan atau genetik (dalamannya) bertentangan dengan biologinya (tubuh luaran) menyebabkan individu tersebut tidak boleh dianggap sebagai lelaki atau perempuan (Anisatul-qalbi Mohd Sofiyuddin, 2017).

Fatwa melalui Sheikh Muhammad Saleh al-Munajjid (2008)

mengklasifikasikan khunsa kepada dua kategori, iaitu khunsa yang jelas (*khunsa wadih*) dan khunsa yang kabur jantinya (*khunsa mushkil*).

Berikut adalah jadual ringkasan bagi perbezaan antara mukhannath dan khunsa:

Jadual 1: Perbezaan Mukhannath dan Khunsa

Perbezaan	Mukhannath	Khunsa
1. Definisi bahasa	Seorang lelaki yang menyerupai wanita	Seseorang yang tidak jelas jantinya atau mempunyai dua alat kelamin
2. Istilah perubatan	<i>Effeminate</i>	<i>Intersex, hermaphrodite</i>
3. Klasifikasi diagnosis	<i>Gender Dysphoria</i> (GD) atau <i>Gender Identity Disorder</i> (GID)- istilah terdahulu	<i>Disorder Of Sex Development</i> (DSD)
4. Pembahagian golongan	1) <i>Mukhannath khalqiyy</i> 2) <i>Mukhannath ghayr khalqiyy</i>	1) <i>Khunsa mushkil</i> 2) <i>Khunsa wadih (ghayr mushkil)</i>

### PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik menyimpulkan istilah mukhannath dari sudut fiqh sebagai seorang 'lelaki' yang dalam pergerakan, penampilan dan percakapannya membawa ciri-ciri seorang wanita.

Dapat disimpulkan juga daripada pandangan ulama empat mazhab bahawa mukhannath terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama disebut sebagai *mukhannath khalqiyy* iaitu lelaki yang mempunyai ciri-ciri kewanitaan secara semula jadi. Ia tidak meletakkan ciri-ciri tersebut pada diri mereka dengan

sendiri dan tidak mengada-adakannya.

Tidak ada kesalahan padanya dan tidak ada dosa jika mutlak keadaannya seperti itu. Ia juga tidak dilaknat seperti yang disebut dalam hadis selagimana ia tidak melakukan perbuatan haram dan tidak terlibat dengan perbuatan maksiat seperti pelacuran dan sebagainya. Adapun golongan kedua disebut sebagai *mukhannath ghayr khalqiyy*; golongan ini merupakan lelaki yang memiliki sifat lembut yang dibuat-buat sehingga menyerupai wanita.

Ia termasuklah menggayakan pakaian wanita, melakukan pembedahan pertukaran jantina atau terlibat dengan perlakuan sumbang atau seks songsang. Mereka ini adalah golongan yang dicela dan dilaknat oleh Allah.

Mukhannath juga sepertimana yang telah diterangkan takrifannya tidak sama dengan khunsa. Ini kerana mukhannath dan khunsa berbeza dari segi definisinya, istilah perubatan dan klasifikasi diagnosisnya serta pembahagian golongannya. Dari sudut perubatan, khunsa dikategorikan sebagai *Disorder of Sex Development* (DSD) atau gangguan perkembangan jantina.

Manakala mukhannath atau lelaki 'effeminate' mungkin termasuk dalam kategori 'Gender Identity Disorder' (GID) dan istilah terkini yang diperkenalkan adalah 'Gender Dysphoria' (GD) bagi menggantikan GID. Walaupun tidak dikategorikan lagi sebagai penyakit (disorder), GD masih ditakrifkan sebagai kecelaruan gender atau ketidakserasian gender (*gender incongruence*) yang memerlukan bantuan dan rawatan.

Kajian lanjut dari sudut perubatan juga perlu dilaksanakan bagi membuktikan sama ada kewujudan mukhannath berpunca daripada genetik atau gangguan perkembangan jantina seperti khunsa.

Golongan mukhannath pada asalnya dilahirkan sebagai lelaki namun bersifat lembut seperti wanita. Walaubagaimanapun, ada di antara mereka yang bersifat semulajadi sedemikian dan ada yang mengada-adakan tingkah laku kewanitaan ini.

Amat membimbangkan mutakhir



ini wujud elemen *tashabbuh* terhadap kaum wanita oleh lelaki yang dikhuatiri daripada golongan mukhannath. Mereka menyerupai wanita dari sudut pemakaiannya, solekanya, tingkah lakunya dan lain-lain lagi. Lebih mendukacitakan sehingga ada yang melakukan pembedahan penukaran jantina, pengambilan hormon wanita dan terlibat dengan usaha-usaha mengubah ciptaan Allah. Malah, terdapat segelintir di kalangan mereka yang melakukan pembedahan pertukaran jantina untuk bekerja sebagai pekerja seks dan terlibat dengan pelacuran.

Golongan mukhannath jenis ini adalah golongan yang dilaknat kerana melakukan maksiat dan larangan Allah. Tanggungjawab yang berat terbeban di bahu ibu bapa, pendidik dan masyarakat sekiranya berhadapan dengan golongan mukhannath *ghayr khalqiyy* ini agar dapat memberi bantuan dari sudut dakwah dan kesedaran sehingga mereka kembali ke pangkal jalan.

Adapun golongan mukhannath yang semulajadi berperwatakan lembut dan tidak dibuat-buat atau digelar *mukhannath khalqiyy*, kita mendoakan agar golongan ini terus dipandu oleh Allah agar tidak terlibat dengan perbuatan yang terkutuk dan dilaknat oleh Allah.

Boleh jadi terdapat tarikan dan kecenderungan untuk golongan ini menjadi wanita, namun anggaplah ia satu ujian daripada Allah untuk melawan hawa nafsu dan meningkatkan keimanan. Masyarakat juga seharusnya tidak memandang serong terhadap lelaki lembut daripada golongan ini kerana mereka adalah mukhannath yang diiktiraf dan diraikan syarak.

Justeru, penerangan tentang definisi mukhannath dan pembahagian dua golongan mukhannath ini perlu disebarluaskan agar tidak berlaku kekeliruan dan salah faham dalam masyarakat.

Selain itu, antara kesan buruk sekiranya istilah mukhannath tidak jelas dari sudut fiqh dan perubatan adalah berlaku penyalahgunaan istilah ini untuk menghalalkan perbuatan *tashabbuh* atau perlakuan lelaki menyerupai wanita.

Sebagai contoh, dalam Kes 'State Government Of Negeri Sembilan & Yl Lwn Muhammad Juzaili Bin Mohd. Khamis & Yl (Mahkamah Persekutuan) [2015]', Nurhafilah Musa (2018) telah menyatakan bahawa, dalam kes ini responden merupakan tiga orang lelaki, iaitu Muhammad Juzaili bin Mohd. Khamis dan dua orang rakannya merupakan jurusolek pengantin dan telah ditahan beberapa kali oleh Penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

Mereka telah didakwa di Mahkamah Syariah atas kesalahan di bawah seksyen 66 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (EKJS) yang memperuntukkan kesalahan dan hukuman terhadap mana-mana lelaki yang berpakaian seperti perempuan atau berlagak seperti perempuan di khalayak ramai.

Hakim telah menyatakan bahawa mereka menghidap penyakit kecelaruan identiti gender atau '*Gender Identity Disorder*' (GID) yang menyebabkan mereka berpakaian dan mempunyai tingkah laku seperti perempuan.

Menurut Nurhafilah Musa (2018) lagi, keterangan yang diberikan menunjukkan bahawa GID merupakan suatu 'penyakit' yang berlaku terhadap Muhammad Juzaili dan rakannya yang dikatakan tidak boleh diubati.

Berpakaian dan mempunyai tingkah laku seperti perempuan merupakan ciri-ciri seorang mukhannath (al-Khatib al-Sharbiniiyy, 1994). Perbuatan *tashabbuh* (menyerupai) juga merupakan perbuatan yang dilaknat, namun sejauh manakah ia boleh dimaafkan kerana mempunyai kondisi dari sudut perubatan?

Sekiranya dilihat dalam kajian literatur, golongan mukhannath tidak mempunyai kelainan dari segi anatomi atau keabnormalan dalam perkembangan fizikal tubuh badan.

Oleh kerana itu, alasan perubatan untuk membenarkan lelaki berpakaian wanita pada hakikatnya tidak boleh diterima kerana golongan ini bukanlah golongan cacat atau kurang upaya serta tidak normal yang menjadikan mereka

terlepas daripada taklif (menanggung kewajiban dan tanggungjawab hukum-hakam Syariat). Mereka juga pada asalnya telah dilahirkan sebagai seorang lelaki tulen.

Justeru, definisi mukhannath yang jelas berdasarkan kajian ini serta pengkategorian golongan mukhannath sama ada dalam golongan yang dimaafkan atau dilaknat dapat memberi panduan agar penghakiman yang adil dapat dilaksanakan jika berhadapan dengan kes-kes sebegini pada masa akan datang.

### PENUTUP

Penyelidik berharap dapatan kajian yang dibentangkan dapat memberi penjelasan yang tuntas mengenai pengertian mukhannath dari sudut fiqh dan perubatan. Pengertian mukhannath yang jelas dapat mengelakkan salah faham dan kekeliruan khususnya dengan golongan khunsa.

Kefahaman tentang pembahagian mukhannath juga dapat mengubah sudut pandang masyarakat terhadap golongan ini. Lelaki lembut atau mukhannath tidak seharusnya dipukul sama rata sebagai golongan yang dilaknat kerana terdapat di antara mereka yang dilahirkan lembut secara semulajadi dan tidak terlibat dengan maksiat dan gejala songsang.

Namun, terdapat juga golongan yang tidak bertanggungjawab yang telah mengambil kesempatan untuk menyalahgunakan istilah mukhannath ini dari sudut perubatan demi menghalalkan perbuatan tasyabbuh yang terkutuk. Justeru, definisi mukhannath yang jelas dari sudut fiqh dan perubatan dapat mengelakkan sebarang penyalahgunaannya pada masa akan datang.

### PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang membiayai penyelidikan yang bertajuk "Kajian Mukhannath Menurut Fiqh Dan Perubatan Serta Kaitannya Dengan Transgender".

### RUJUKAN

- al-Kandahlawiyy, Muhammad Zakariyya. 2003. *Awjaz al-Masalik Ila al-Muwattaa Malik*. Dar al-Qalam.
- al-Mubarakfuriyy, Muhammad Abdul Rahman bin Abdul Rahim. 2010. *Tuhfat al-Ahwaziyy Bi Sharh Jami' al-Tirmidhiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Sarkhasiyy, Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahl. 1993. *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Fuad Mohamed Berawi. 2017. *Metodologi Penyelidikan Panduan Menulis Tesis*. Sintok: Penerbit UUM.
- Ibnu Abi al-Dunya, Abdullah Muhammad Ubayd al-Baghdadiyy Abu Bakar. 1995. *Zamm al-Malahiyy*. Maktabah Ibnu Taimiyyah.
- Ibnu 'Abd al-Barr, Abu Umar Yusuf bin Abdullah bin Muhammad. 1967. *Al-Tamhid Lima Fi al-Muwattaa' Min al-Maa'niyy wa al-Asanid*. Maghribi: Wizarah 'Umum al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fidaa' Ismail bin Umar bin Kathir al-Qarsyhiyy al-Basriyy. 1998. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-IlmiyyahTafsir
- Ibnu Manzur. 1999. *Lisanul Arab*. Beirut: Dar Ihya' Turath A'rabi.
- Ibnu Nujaym, Zayn al-Din bin Ibrahim bin Muhammad. 1997. *Bahr al-Raiq Sharh Kanz al-Daqaiq*. Dar al-Kutub al-Islamiyy.
- Ibnu Qudamah, Abu Muhammad Mawfiq al-Din Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. 1997. *al-Mughniyy*. Dal al-'Alam al-Kutub.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khatib al-Sharbiniyy, Muhammad bin Ahmad. 1994. *Mughniyy al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'aniyy al-Alfaz al-Minhaj*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Krippendorff, Klaus. 2004. *Content Analysis: An Introduction To Its Methodology*. California: Sage.
- Kumpulan Penerbit Ensiklopedia. 1983. *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kementrian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait. Cet 2.

Muhammad Rawwas Qal'aji & Hamid Sadiq Qunaibiy. 1988. *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Dar al-Nafaes.  
Sedgwick, Eve Kosofsky. 1991. *Epistemology Of The Closet*. California: University of California Press.  
Zaliha Tak. 1998. *Khuntha Dan Mukhannath Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

kebangsaan/anak-tak-sah-taraf (diakses pada 31 November 2012).  
Hukmu Zawaj al-Khunsa (Hukum Perkahwinan Khunsa). <https://islamqa.info/ar/114670> (diakses pada 30 Julai 2019).  
Maksud Pondan. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pondan&d=69812&#LIHA TSINI> (diakses pada 11 Ogos 2019).

### Tesis

Anisatul-qalbi Mohd Sofiyuddin. 2017. *Pengklasifikasian Disorder Of Sex Development (DSD) Menurut Perspektif Islam Dan Perubatan*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia.

### Kes

*State Government Of Negeri Sembilan & Yl Lwn Muhammad Juzaili Bin Mohd. Khamis & Yl (Mahkamah Persekutuan) [2015]*

### Jurnal

Amri Marzali. 2016. *Menulis Kajian Literatur*. Vol. 1. No.2. Jurnal Etnografi Indonesia.  
Haneef, Sayed Sikandar Shah. 2011. *Sex Reassignment In Islamic Law: The Dilemma of Transsexuals*. International Journal of Business, Humanities and Technology. Vol. 1 No. 1. USA: Center for Promoting Ideas (CPI).  
Nurhafilah Musa. 2018. *Kes 'State Government Of Negeri Sembilan & Yl Lwn Muhammad Juzaili Bin Mohd. Khamis & Yl (Mahkamah Persekutuan) [2015]'*. Ulasan Kes 19 Jan 2018.  
White, M. D., & Marsh, E. E. 2006. *Content Analysis: A Flexible Methodology*. 55(1), 22-45. Library Trends.  
Zuger, Bernard. 1989. *Homosexuality In Families Of Boys With Early Effeminate Behavior: An Epidemiological Study*. Volume 18, Issue 2. Archives Of Sexual Behavior.

### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.

### Internet

Anak Tak Sah Taraf. [http://www.e-fatwa-](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-)